

FARMASI

Informasi Ubat

Vaksin Pneumokokus



Apa itu Pneumokokus?

Penyakit pneumokokus, disebabkan oleh bakteria *Streptococcus pneumoniae*, boleh menyebabkan radang paru-paru (jangkitan paru-paru), bakteremia (bakteria dalam darah) dan penyakit-penyakit lain yang boleh mengancam nyawa.

Simptom-simptom penyakit pneumokokus berbeza, bergantung pada organ yang dijangkiti. Tanda-tanda pneumokokus termasuk demam, batuk dan sakit dada. Simptom-simptom yang lebih serius termasuk kekeliruan dan sakit kepala yang teruk. Ia boleh merebak melalui batuk, bersin dan persentuhan langsung dengan rembesan pernafasan dari seseorang yang dijangkiti.

Kenapa Penting Untuk Mendapatkan Vaksin Pneumokokus?

Penyakit pneumokokus adalah penyebab utama kematian berjangkit di seluruh dunia. Di Singapura, lebih daripada 120 kes penyakit pneumokokus invasif dilaporkan setiap tahun. Sebahagian besar daripada kes-kes tersebut merangkumi pesakit yang berusia 65 tahun ke atas. Penyakit pneumokokus invasif boleh membawa maut, dan membunuh kira-kira 1 dari 5 orang dewasa yang dijangkiti di Singapura.

Suntikan vaksin pada waktu masa sihat boleh melindungi diri anda daripada pneumokokus dan komplikasinya. Ini kerana ia mengurangkan risiko jangkitan bakteria pneumokokus yang boleh menyebabkan radang paru-paru dan jangkitan bakteria di dalam darah.

Terdapat 2 jenis vaksin pneumokokus yang ada:

1. Pneumococcal polysaccharide vaccine (PPSV23)
2. Pneumococcal conjugate vaccine (PCV13)

PCV13 melindungi daripada 13 jenis (strain) pneumokokus yang paling sering menyebabkan penyakit pneumokokus, sementara PPSV23 melindungi daripada 23 jenis (strain) pneumokokus. PCV13 memberikan perlindungan yang lebih besar pada sekelompok pesakit tertentu jika ia diberikan sebelum PPSV 23, dibandingkan dengan pemberian PPSV23 sahaja.

Siapakah yang Patut Menerima Vaksin Pneumokokus?

Orang yang dinasihati untuk menerima vaksin ini adalah mereka yang berisiko tinggi untuk menghadapi komplikasi yang serius atau kematian daripada radang paru-paru akibat penyakit pneumokokus.

Ini termasuk:

- Orang yang berumur 65 tahun ke atas
- Orang yang berumur antara 19 hingga 64 tahun dan mempunyai:
 - Kegagalan buah pinggang kronik, sindrom nefrotik
 - Orang yang mempunyai sistem imun yang rendah terhadap jangkitan, contohnya: pesakit leukemia, HIV, penyakit limpa, atau pesakit yang mempunyai pemindahan organ
 - Sesiapa yang sedang mengambil sebarang ubat atau rawatan yang merendahkan sistem imun badan terhadap jangkitan, contohnya: steroid untuk jangkitan panjang, sesetengah ubat kanser, rawatan radiasi
 - Implan koklea atau zahir serobrospinal

Golongan Berikut Dinasihati Menerima PPSV23 (Tanpa PCV13)

- Orang berumur antara 19 hingga 64 tahun yang mempunyai penyakit kronik, seperti penyakit paru-paru, jantung, hati dan kencing manis
- Orang yang merokok
- Orang berumur 19 tahun ke atas yang mempunyai alkoholisme

Bila Patut Saya Menerima Vaksin Pneumokokus?

Doktor anda akan menentukan jenis vaksin pneumokokus dan jadual vaksinasi untuk anda. Untuk pesakit yang belum pernah menerima vaksin ini dan memenuhi syarat untuk kedua-duanya, PCV13 harus diberikan dahulu, dan diikuti oleh PPSV23 (dalam masa selepas 8 minggu atau 1 tahun kemudian).

Di Mana Boleh Saya Mendapatkan Vaksin Pneumokokus?

Kedua-dua PCV13 dan PPSV23 boleh didapati di kebanyakan poliklinik dan hospital. **Medisave boleh digunakan untuk bayaran vaksin tersebut untuk orang yang berisiko tinggi untuk menghadapi komplikasi pneumokokus.**

Apa yang Boleh Terjadi Selepas Menerima Vaksin?

Anda boleh mendapat kesan-kesan berikut dalam masa 1-2 hari selepas mendapat vaksin:

- Kesakitan, kemerahan, bengkak pada tempat suntikan, sakit otot, sendi, sakit kepala. Kesan sampingan ini biasanya akan hilang dalam masa 2-3 hari.
- Demam panas (> 38°C) jarang berlaku dan biasanya akan hilang dalam masa 1-2 hari.

Ambil Paracetamol setiap 4 – 6 jam jika perlu. Jangan ambil melebihi 8 biji (500 mg satu biji) sehari.

Apakah Kesan Sampingan Daripada Vaksin Pneumokokus?

Secara umum vaksinasi tidak membahayakan. Kesan sampingan daripada yang ringan kepada yang serius mungkin berlaku dan berbeza antara individu. Kesan sampingan yang ringan paling umum dialami.

Kesan sampingan ringan termasuk:

- Kesakitan, atau bengkak pada tempat suntikan.
- Pesakit yang mengambil ubat penipisan darah (contohnya, warfarin) atau mempunyai masalah pendarahan boleh mendapat hematoma (darah beku) di tempat suntikan. Namun, kejadian ini jarang berlaku.
- Sesetengah orang mungkin rasa lemah selepas vaksinasi. Duduk selama 15 minit untuk mengelakkan rasa pangsang selepas mendapat vaksin

Kesan sampingan yang serius boleh terjadi, tetapi jarang berlaku.

- Tindak balas alergi yang teruk (atau anafilaxis) boleh berlaku untuk 1 dalam satu juta suntikan dan boleh berlaku dalam masa beberapa minit hingga beberapa jam selepas vaksinasi.
- Risiko untuk mendapat Guillain-Barré syndrome (GBS), penyakit saraf yang jarang berlaku, dianggarkan terjadi dalam 1 atau 2 kes per juta suntikan vaksin.

Secara keseluruhan, risiko ini lebih rendah daripada risiko komplikasi yang teruk akibat jangkitan influenza, yang mana kami harap dapat dicegah dengan vaksinasi.

Seperti mana-mana ubat, ada kemungkinan (walaupun sangat rendah) untuk penyakit serius atau kematian terjadi akibat vaksin. Bagaimanapun, pihak berkuasa kesihatan di Singapura dan di seluruh dunia mengesyorkan vaksinasi kerana faedahnya lebih besar daripada risiko.

Apa yang Patut Saya Lakukan Jika Terdapat Reaksi yang Serius Terhadap Vaksin?

Beritahu jururawat atau doktor dengan segera, atau hubungi ambulans untuk ke hospital dengan segera, jika anda mengalami antara yang berikut:

- Ruam kulit gatal, yang sangat teruk
- Bengkak di muka atau tekak
- Susah bernafas
- Kepala pening

Untuk maklumat lanjut mengenai penyakit pneumokokus dan vaksin pneumokokus, sila lawati:

HealthHub



<https://bit.ly/2XU3w5K>

Communicable Diseases Centre (CDC)



<https://bit.ly/2uucQvt>

